

Lawatan PM ke AS eratkan lagi

LIMA 16 APR 2002

KUALA LUMPUR 15 Anril — Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Washington pada pertengahan bulan depan menggambarkan hubungan baik yang terjalin antara Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia.

Penolong Setiausaha AS bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, James E. Kelly berkata, walaupun tidak terdapat agenda khusus dalam pertemuan antara Dr. Maha-

thir dan Presiden George W. Bush, kedua-duanya dijangka membincangkan beberapa perkara mengenai hubungan perniagaan dan keselamatan antara AS dan Malaysia.

“Saya fikir adalah penting juga untuk Presiden Bush memberikan ucapan terima kasih terhadap tindakan yang memberangsangkan oleh Malaysia dalam kempen global menentang keganasan.

“Lawatan itu sebenarnya meng-

gariskan secara semula jadi mengenai hubungan baik yang dimiliki oleh kedua-dua negara,” katanya kepada pemberita di Kedutaan AS di sini hari ini.

Undangan

Kelly berada di Malaysia untuk menghadiri Persidangan Williamsburg anjuran Persatuan Masyarakat Asia New York yang berakhir semalam.

Perdana Menteri dijangka me-

hubungan kedua-dua negara

enuhi undangan Bush untuk melawat Washington pada 13 Mei hingga 15 Mei ini.

Menurut Kelly, Malaysia sebagai sebuah negara sederhana dengan majoriti penduduk Islam memainkan peranan penting dalam perang global terhadap keganasan dan merupakan lambang kestabilan di rantau ini.

Katanya, AS berpuas hati dengan sumbangan yang diberikan oleh Malaysia terhadap usaha antara-

bangsa untuk membanteras keganasan.

Beliau berkata, Dr. Mahathir dalam pertemuan dengannya baru-baru ini menyuarakan kebimbangan terhadap situasi di Asia Barat dan mungkin membangkitkannya kepada Bush dalam pertemuan berkenaan.

Bush juga dijangka menyentuh mengenai pemulihan ekonomi Malaysia selepas krisis kewangan empat tahun lalu dan ucapan

mengenai definisi keganasan yang disampaikan oleh Perdana Menteri semasa Sesi Khas Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam dua minggu lalu, katanya.

“Perkara yang sama diucapkan oleh Presiden Bush dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa tidak ada tindakan kejam yang boleh mewajarkan serangan terhadap orang awam yang tidak bersalah,” ujar beliau, merujuk kepada pengebom berani mati Palestin.